

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK AHMAD JAZLAN BIN  
YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 11.06.2015 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 34**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) jumlah rumah hasil daripada Program Bantuan Rumah(PBR) yang telah disiapkan dan kos pembinaan sejak ia mula diperkenalkan; dan
- (b) adakah berlakunya peningkatan nilai terhadap pembinaan rumah PBR ini dari tahun 2010 hingga sekarang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dari Rancangan Malaysia Kelapan(RMKe-8) iaitu dari tahun 2001 sehingga 2014, sejumlah **118,391 unit rumah** telah dibina dan di baik pulih di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dengan peruntukan berjumlah **RM 2.16bilion**.
- (b) Selaras dengan keperluan semasa dan penambahbaikan kualiti rumah yang disediakan di bawah PBR, pada tahun 2012 Kementerian telah menaikkan kadar kos pembinaan rumah di Semenanjung Malaysia **daripada RM33,000 kepada RM40,000**. Manakala bagi Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak kos pembinaannya juga telah ditingkatkan daripada **RM40,000 kepada RM50,000**.